

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]**

**TARIKH : 18 MEI 2015**

**RUJUKAN : 8055**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah serta jenis kes yang dikenakan siasatan atas Akta Hasutan (Sedition Act) semenjak ianya dikuatkuasakan. Dalam senarai, kategorikan juga ahli politik serta aktivis yang akan mahupun disiasat.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, pihak polis tidak mempunyai rekod bagi kes-kes yang dibuka di bawah Akta Hasutan 1948 semenjak ianya dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod polis, sejak tahun 2008 sehingga 2014, sebanyak 409 kes berhubung dengan Akta Hasutan 1948 telah disiasat oleh pihak polis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 99 kes masih di dalam siasatan, 30 kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, 116 kes di dalam siasatan lanjut, 26 kes sedang dituduh di Mahkamah dan baki 138 kes telah dikategorikan sebagai tiada tindakan lanjut (*No Further Action-NFA*).**

**Statistik ini adalah merangkumi mereka yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan termasuklah ahli politik, aktivis NGO, pelajar, pendidik dan blogger.**